

27 OCT 1997

CHOGM-Deklarasi

CHOGM AKAN DATANG DI AFRIKA SELATAN

Oleh: Wan A. Hulaimi

EDINBURGH, 27 Okt (Bernama) -- Ketua-ketua Kerajaan Komanwel mengakhiri mesyuarat mereka selama empat ini dengan membuat ikrar dalam Pernyataan Edinburgh setebal lima muka untuk menjadi kuasa bagi perdagangan bebas di dunia, memperjuangkan usaha membasmi kemiskinan dan bertemu lagi pada CHOGM akan datang di Afrika Selatan pada 1999.

Ikrar itu mencerminkan pandangan Pernyataan untuk memperjuangkan kemakmuran secara sama rata di kalangan anggota.

Mesyuarat kali ini buat kali pertama bertemakan mengenai perdagangan, pelaburan dan pembangunan: Jalan Menuju kemakmuran Komanwel.

Dalam ucapan penutup, Perdana Menteri Britain Tony Blair yang juga pengerusi mesyuarat mengulangi kenyataan Nelson Mandela yang berkata, di luar Pertubuhan bangsa-bangsa Bersatu, Komanwel ialah kelompok masyarakat global yang luar biasa dan bersifat pelbagai".

Ketua-ketua kerajaan Komanwel merestui tugas KLumpulan Bertindak Menteri Komanwel mengandungi enam negara bagi mengawasi secara berterusan perkembangan di Nigeria.

Nigeria sekarang diberi tempoh hingga 1 Okt tahun depan bagi mengembalikan demokrasi atau menghadapi tindakan disingkir dan dikenakan sekatan oleh Komanwel dan antarabangsa. Malaysia ialah anggota kumpulan itu.

Komanwel juga berjanji kepada Palestin bahawa ia akan dipertimbangkan bagi menjadi anggota apabila memperolehi kedaulatan penuh.

Tetapi permohonan daripada Rwanda dan Yemen akan dikaji di bawah kriteria seperti ditetapkan oleh ketua-ketua kerajaan Komanwel.

Negara-negara anggota menerima konsep globalisasi tetapi mengingatkan tentang kesannya terutama ke atas negara-negara kecil.

Pernyataan juga mengulangi kecaman ketua-ketua kerajaan terhadap tindakan keganasan dalam semua bentuk dan pada masa yang sama menyedari tentang pertalian antara keganasan, pengedaran dadah dan senjata api secara haram dan "money laundering."

Ia menggesa semua negara menggubal undang-undang bagi menghukum mereka yang terlibat dalam tindakan itu.

Ia juga meminta supaya usaha bersama dijalankan bagi memusnahkan periuk api dengan menggesa negara anggota menandatangani konvensyen mengharamkan penggunaan, penyimpanan, pengeluaran dan pemindahan periuk api.

"Ketua-ketua kerajaan melahirkan kepercayaan bahawa penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) merupakan perkembangan penting dalam usaha antarabangsa menegakkan undang-undang," menurut Pernyataan itu.

Ketika berucap sebelum berlepas untuk melakukan lawatan rasmi ke Slovenia, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata CHOGM kali ini lebih baik daripada CHOGM di Britain pada 1977.

"Perdana Menteri Tony lebih komited kepada CHOGM daripada Perdana Menteri sebelumnya dan beliau menunjukkan kesediaan untuk mendengar," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

WAH FAZ